

13 NOV 1998

Mahkamah-Anwar (Sumber)

SAKSI KES ANWAR ENGGAN DEDAH SUMBER MAKLUMAT

KUALA LUMPUR, 13 Nov (Bernama) -- Seorang pegawai polis Cawangan Khas memberitahu Mahkamah Tinggi di sini bahawa beliau tidak boleh mendedahkan sumber yang memberikannya surat-surat mengandungi dakwaan salah laku seks Datuk Seri Anwar Ibrahim.

ACP Mazlan Mohd Din, saksi ketujuh pada perbicaraan empat kes rasuah bekas timbalan perdana menteri itu, berkata beliau tidak dapat berbuat demikian kerana pembela boleh "menenal pasti" sumber itu.

Mazlan berkata demikian ketika disoal balas oleh seorang daripada sembilan peguam Anwar, Gurbachan Singh, yang ingin mengetahui sama ada sumber itu seorang awam atau tidak.

Timbalan Kanan Pendakwa Raya Azahar Mohamed ketika membantah soalan itu berkata sebagai seorang pegawai Cawangan Khas, Mazlan tertakluk kepada "Inspector-General Standing Order" dan "Special Branch Manual" yang tidak membenarkan sumber maklumat didedahkan.

Beliau berkata jika sumber maklumat didedahkan, perkara itu boleh "menyebabkan orang awam enggan memberi maklumat kepada polis."

Sambil merujuk kepada Seksyen 124 Akta Keterangan 1950, Gurbachan berkata pihaknya tidak menghendaki Mazlan mendedahkan komunikasi atau butir-butir lain sumber tetapi hanya ingin tahu sama ada sumber itu adalah orang awam atau tidak.

Seksyen itu antara lain menyatakan "seseorang pegawai awam tidak boleh dipaksa mendedahkan komunikasi yang dibuat kepadanya secara rasmi dan sulit apabila difikirkannya kepentingan awam akan terjejas dengan pendedahan itu."

Gurbachan berkata seksyen itu tidak terpakai dalam hal ini dan Mazlan boleh menjawab soalan yang dikemukakananya itu.

Timbalan Kanan Pendakwa Raya Datuk Abdul Gani Patail pula memberitahu mahkamah bahawa "semua perkara yang berkaitan dengan keselamatan negara adalah termaktub mengikut Akta Rahsia Rasmi (OSA)."

Pada peringkat ini, Hakim Datuk S. Augustine Paul meminta pihak pendakwa mengesahkan perkara itu.

Bagaimanapun, Paul berpendapat seksyen lain iaitu Seksyen 125 dalam akta yang sama mungkin terpakai dalam hal ini.

Antara lain, Seksyen 125 itu menyatakan bahawa "seseorang hakim Mahkamah Sesyen, Majistret atau pegawai polis tidak boleh dipaksa mengatakan dari mana dia telah mendapat apa-apa maklumat mengenai perlakuan sesuatu kesalahan, dan seseorang pegawai hasil tidak boleh dipaksa mengatakan dari mana dia telah mendapat apa-apa maklumat mengenai perlakuan sesuatu kesalahan terhadap hasil awam atau terhadap undang-undang".

Gurbachan kemudian berkata beliau "mahu menengguhkan soalan berhubung perkara itu sehingga pihak pendakwa mengesahkan bahawa perkara itu termaktub mengikut OSA".

Mazlan berkata sumbernya memberitahu bahawa surat-surat yang mengandungi dakwaan salah laku seks Anwar pada masa itu sedang dalam proses untuk diserahkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pada ketika itu, Gurbachan sekali lagi bertanya "sumber yang sama" dan Mazlan menjawab "saya tidak boleh beritahu, Yang Arif".

Kepada soalan lain, Mazlan berkata beliau tidak tahu sama ada surat-surat asal berkenaan diambil oleh Cawangan Khas daripada Perdana Menteri dan beliau juga tidak tahu ada surat lain yang dihantar kepada PM.

Beliau bersetuju dengan cadangan Gurbachan bahawa tidak ada sesiapa pun

yang boleh mengubah arahan Ketua Polis Negara.

Sebelum itu, Mazlan memberitahu mahkamah bahawa selain daripada sumber itu, beliau juga menerima surat-surat itu daripada Timbalan Pengarah Cawangan Khas, Datuk Amir Junus.

Menurutnya beliau telah menerima arahan khusus daripada Amir untuk memantau penyebaran surat salah laku itu dan mengikut siasatannya, surat itu tidak disebarikan secara meluas.

-- BERNAMA

SBB AHH NAK